

Evolusi Penggunaan Motif Dan Ragam Hias Dalam Tenunan Songket

Nani Hartina Ahmad

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
 Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
 Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
 nanihartina@kelantan.uitm.edu.my

Prof. Madya Dr. Norwani Md Nawawi

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
 Universiti Teknologi MARA
 40450 Shah Alam, Selangor
 nmn572000@gmail.com

Siti Fairuz Md Hashim

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
 Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
 Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
 sitifairuz@kelantan.uitm.edu.my

Noor Hafiza Ismail

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
 Universiti Teknologi MARA Melaka
 Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka
 yurizinsen@yahoo.com

Sarina Mohamad

Fakulti Sains Gunaan
 Universiti Teknologi MARA (Terengganu)
 Kampus Kuala Terengganu,
 21080 Kuala Terengganu, Terengganu
 sarin618@tgnu.uitm.edu.my

ABSTRAK

Tenunan songket melambangkan ketinggian teknologi dahulu, kreativiti, sejarah, Melayu yang bertamadun tinggi melambangkan keindahan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Masyarakat tempatan kebiasaan menilai tenunan songket dari sudut keindahan, kesenian dan pemakaianya. Namun bagi penggemar-penggemar songket biasanya akan mengolah songket dari sudut keunikan dan kepelbagaiannya unsur, proses, teknik dan motif yang sukar diterjemahkan. Keindahan songket tidak semata-mata bergantung kepada hiasan benang emas sahaja namun gabungan kreativiti corak dan motif yang dihasilkan serta nilai emas di mata masyarakat menaikkan lagi nilai estetikanya. Para penggemar songket pada masa kini dapat menilai dan merasakan kelainan songket silam dengan yang baharu apabila mereka memerhati kaedah tenunnya dan corak-corak yang dihasilkan. Namun begitu, lewat masa kini dengan kehadiran dan kemasukan songket buatan negara luar seperti India, Pakistan dan Indonesia akan meresahkan penenun tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini turut merangkumi sejauh mana keperihatinan masyarakat Melayu kita dapat menilai kesenian tempatan berbanding dengan hasil tangan bukan orang tempatan iaitu dengan meneliti motif-motif dan ragam hias corak tenunan songket tempatan. Hingga ke hari ini, masih ramai di antara kita masih keliru dan terpedaya dengan songket import dari negara luar.

Lambakan songket dari negara luar telah mengakibatkan pengusaha tempatan terancam dan membimbangkan. Kajian ini merangkumi sejauh mana penilaian masyarakat Melayu dalam melihat peredaran dan evolusi motif dan ragam hias dalam tenunan songket yang menerapkan identiti tempatan dan berkonsepkan ciri-ciri budaya kehidupan masyarakat Melayu kini.

Kata Kunci: Evolusi, Motif, Ragam Hias, Tenunan Songket

PENGENALAN

Songket adalah hasil tetunan tangan tradisional orang Melayu yang amat berharga. Tenunan songket wujud di negara ini sejak 200 tahun yang lalu. Ia menjadi lambang kehalusan seni tenunan tekstil Melayu dan kreativiti penenun. Songket ini dihasilkan menggunakan satu alat tenunan yang dipanggil ‘kek’ yang menggunakan kaki sebagai pemijak karat. Tenunan songket ini biasanya dikuasai oleh kaum wanita terutamanya di Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak. Songket yang berasal dari istana ini lazimnya ditenun menggunakan benang sutera tetapi sekarang terdapat songket yang ditenun menggunakan benang kapas dan juga gabungan kedua-duanya. Pada masa kini ramai penenun gemar menggunakan benang tiruan seperti benang poliester kerana ia murah dan mudah diperolehi.

Songket dalam erti kata lain bermaksud “benang pakan tambahan” yang disulam tenun ke dalam kain tenunan biasa bagi menimbulkan pelbagai corak dan motif. Benang tambahan ini terdiri daripada benang emas atau perak, benang berwarna atau benang metalik yang bercahaya dan beraneka warna. (Nowani Md Nawawi, 2007). Tenunan songket juga melambangkan kehebatan dan kemasyhuran masyarakat Melayu dalam menghasilkan tenunan tekstilnya yang tersendiri. Kelantan, Terengganu dan Pahang merupakan diantara negeri yang terawal mengusahakan atau menjalankan kegiatan memenun songket ini. Ia dapat dibuktikan dengan pemakaian oleh Cik Siti Wan Kembang iaitu seorang pemerintah wanita ternama di negeri Kelantan pada tahun 1610 hingga 1677.

Mengimbau sejarah yang lalu, kegiatan perusahaan tenunan songket ini dipelopori oleh penduduk tempatan yang tinggal dipersisiran pantai yang mana ia dahulu terdedah dengan pengaruh perdagangan luar seperti India, China, Arab dan Indonesia. Kehalusan pembuatannya dengan reka corak dan ragam hias yang rumit menyebabkan hanya golongan kerabat diraja, bangsawan, dan orang-orang besar negeri sahaja yang mampu memakai kain songket ini. Oleh sebab itulah kain songket digelar sebagai satu fabrik yang mewah yang mana ia menjadi penentu sesuatu kedudukan seseorang pembesar dalam kalangan pemerintah pada masa dahulu.

Hingga ke hari ini, masih ramai di antara kita yang masih menyimpan dan memakai songket sebagai salah satu harta warisan yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Namun demikian, ramai di antara kita tidak peka dalam pemuliharaan songket yang mana tidak tahu bagaimana hendak menyimpan supaya ia tidak mudah using, koyak dan sebagainya. Memandangkan songket merupakan khazanah yang berharga dan dihasilkan dengan penuh

tekun dan cermat, sudah tentu ia perlu disimpan dengan baik supaya ia dapat mengekalkan keindahan songket itu dan dapat dipanjangkan usianya. Keindahan kain tenunan songket ini tidak bengantung semata-mata kepada hiasan benang emas dan perak sahaja, ia dapat dinilai dengan penyusunan motif-motif dan ragam hias pada setiap penjuru kain songket. Reka corak dan motif yang terdapat pada kain songket memaparkan ciri-ciri unit identiti orang Melayu. Penggunaan Motif-motif tradisional masih kekal ke hari ini. Namun perubahan sentiasa berlaku selari dengan arus semasa yang mana mengikut kesesuaian masa kini. (Abd Aziz Rashid, 1999)

PERKEMBANGAN TENUNAN SONGKET DI MALAYSIA

Berbicara mengenai songket, umumnya orang ramai sudah maklum bahawa songket antara warisan seni Melayu yang unggul serta dikagumi sehingga ke hari ini. Di Malaysia, penghasilan songket masih lagi di teruskan di negeri-negeri pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan termasuklah negeri Sarawak yang masih mengusahakan perusahaan songket ini. Di Kelantan, kegiatan menenun songket masih lagi dijalankan yang berpusat di Penambang yang terletak tidak jauh dari Bandar Kota Bharu. Perusahaan songket di Kelantan tidak sehebat di Terengganu yang masih gah meneruskan kegiatan menenun songket ini. Perusahaan songket di Kelantan hanya bertumpu pada satu kawasan sahaja hingga ke hari ini. Ini amat menyediakan kerana zaman kemasyhuran pengeluaran songket Kelantan akan kepupusan sekiranya hal ini berterusan.

Di Terengganu perusahaan songket masih lagi hebat dijalankan di kampung-kampung seperti Kampung Gong Tok Nasek, Kampung Kuala Ibai, Kampung Chendering dan lain-lain lagi. Kebanyakan kampong-kampung ini terletak di sekitar bandar Kuala Terengganu. Tidak hairanlah Kuala Terengganu mendapat jolokan nama Kota Tenun yang mana kegiatan menenun songket ini masih mendapat kemasyhuran songket dari dahulu hingga kini.

Penghasilan songket turut diperluaskan hingga ke negeri Sarawak yang mana hari ni songket Sarawak mendapat tempat dihati masyarakat. Masyarakat Sarawak mewarisi kepakaran menenun songket daripada masyarakat Melayu Brunei. Pengaruh dari masyarakat Brunei turut membezakan songket Sarawak dengan songket yang ditenun di Kelantan dan Terengganu. Songket Sarawak dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu pertama kain bertabur atau kain Brunei (bunga bertabur dibahagian badan kain). Kedua, kain berterus (corak berdiri) jalur emas. Ketiga kain belatak (corak penuh) dan keempat, songket biasa atau dikenali kain lungik atau dipanggil juga kain songket serat pisang. (Ensiklopedia Kraft Malaysia, 2012)



Gambar 1: Songket sarung bunga penuh (sumber koleksi peribadi)

EVOLUSI MOTIF DAN RAGAM HIAS PADA SONGKET


Apabila kita bercerita tentang keindahan ia amat berkait dengan keindahan sesuatu motif dan ragam hiasnya. Kecantikan dan keindahan songket terletak pada reka corak yang halus dan rumit serta motif yang dihasilkan di atas kain tenunan tangan. Terdapat pelbagai jenis motif yang dihasilkan pada sehelai kain songket sama ada sarung dan kain lepas atau selendang. Kebiasaan mereka perekat atau penenun mencari ilham atau idea bersumberkan inspirasi alam semulajadi yang berada sekeliling mereka. Mereka sangat kreatif dan mempunyai pemerhatian yang tajam dalam mencipta sesuatu dan daya imaginasi yang tinggi. Sehelai kain songket yang lengkap mengandungi pagar mahkota, awan larat, gigi belalang dan lawi pending. Keseluruhan unsur ini dinamakan jong sarat. Jong sarat ini dilengkapi pula dengan pelbagai corak seperti corak bunga tabur, corak bunga penuh, bunga jalur berdiri, bunga jalur melintang, bunga tepi lebar dan pucuk rebung.

Sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan. Ia juga wujud dalam pengamatan dan dianggap kebaikan yang muktamad bagi pembentukan nikmat, keindahan memberi kepuasan terhadap kehendak sifat semulajadi manusia yang terpendam (Syed Amad Jamal, 1992). Pemilihan motif banyak bersumberkan alam semulajadi melalui proses peniruan dan aspirasi kreativiti para penggiat seni dalam mengolah idea, mereka bentuk dan merealisasikan rekaan atau reka corak sama ada dalam bentuk asal atau yang telah diubah. Kreativiti ini turut memberi nafas berinovasi bagi penghasilan ragam hias yang mementingkan elemen-elemen seni tampak yang harus dipraktikkan.


Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, 2013; evolusi membawa maksud kepada perkembangan atau perubahan secara beransur-ansur dan perlahan. Kajian dan penyelidikan yang berterusan membolehkan kita melihat beberapa perubahan terhadap motif dan ragam hias pada penghasilan songket mengikut peredaran zaman. Menurut Haziyah Hussin 2006, penghasilan motif daripada sumber alam bumi lebih dikaitkan dengan keunikan dan symbol sahaja. Motif alam yang dibuat pada songket masa kini merupakan hasil peniruan daripada motif dahulu yang dibuat berdasarkan pemerhatian kepada sumber alam. Motif baharu yang dihasilkan dari kejadian alam didapati tidak dihasilkan kerana kurangnya pemerhatian dan penghayatan terhadap motif jenis ini oleh generasi sekarang. Penghasilan motif jenis ini dibuat berdasarkan peniruan motif lampau.

Penenun dahulu menenun sehelai kain songket diibaratkan sebagai sekebum bunga, mereka menenun dengan melihat dan meneliti menerusi mata, tersemak di hati kemudian melahirkan dalam bentuk tampak iaitu pada sehelai kain songket. Ia ditenun dengan penuh dengan penghayatan, kesetian dan kesabaran sehingga merasakan pekerjaan itu sebagai suatu ibadah. (Sulaiman Abdul Ghani, 2011). Sehelai songket adalah menggambarkan makna kehidupan masyarakat Melayu. Kain songket ini diandaikan seperti jasad manusia yang melengkap makna kehidupan si pemakainya. Kerana itu bahagian kain ada disebut sebagai kepala, badan, kapit kepala dan kaki kain. Setiap bahagian itu

disempurnakan dengan olahan motif, misalnya motif pucuk rebung dan lawi ayam ditempatkan di kepala kain, kapit kepala kain dijalurkan bagi memisahkan kepala dengan badan kain. (Siti Zainon Ismail, 1999).



Gambar 2: Nama dan struktur pada kain sarung



Gambar 3: Songket Sarung (Sumber Koleksi Muzium Terengganu)

Songket bunga tabur ialah susunan bunga secara tunggal, tidak padat dan memenuhi permukaan badan kain. Manakala terdapat juga susunan berjalur melintang atau menegak ia dipanggil sebagai kain bercorak. Penenun dahulu sangat kreatif dalam menenun songket di mana ia merancang setiap motif dan reka corak di dalam penghasilan songket. Ekoran daripada itu terhasil satu seni kreatif yang indah. Mereka begitu teliti dalam menghasilkan kerja-kerja seni ini. Berkat kesabaran penenun maka terhasilah sehelai kain songket yang indah.

Jadual 1: Penghasilan Songket di era tahun 1980an hingga 1990an

Era tahun 1980an hingga 1990an	Jenis Songket
 (Koleksi Muzim Terengganu)	Kain Songket Bunga Bintang Beralih (Corak Bertabur). Hanya menggunakan benang emas sahaja untuk menyerikan lagi keindahan songket.
	Kain Songket Bunga Cina (Corak Bertabur). Hanya menggunakan benang perak sahaja untuk bagi menimbulkan motif dalam penghasilan songket.

	<p>(Koleksi Muzium Terengganu)</p>	
	<p>Kain Songket Teluk Berantai (Corak Penuh) menggunakan benang emas sahaja.</p>	

Jadual 2: Penghasilan Songket di era tahun 2000 hingga kini

Era tahun 2000 hingga kini	Jenis Songket

 (Koleksi Wan Manang Songket)	<p>Kain Songket Corak Penuh bermotifkan bungaan dan menggunakan gabungan benang metalik yang berwarna-warna.</p>
 (Koleksi Wan Manang Songket)	<p>Kain Songket bercorak bebas. Motif Bunga raya. Menggabungkan teknik ikat dan menggunakan benang perak dan benang metalik.</p>
	<p>Kain songket benang berwarna-warni iaitu benang metalik, corak penuh dan motif pohon berdiri kepala pending.</p>

(Koleksi Puan Ramlah Latif)	
-----------------------------	--

Perubahan dalam penghasilan songket pada masa kini dengan terdahulu tidak banyak bezanya, cuma terdapat perubahan dari segi pengolahan motif dan susunan ragam hiasnya. Penggunaan bahan seperti benang juga turut mengalami perubahan. Penenun tidak lagi menggunakan hanya kepada benang emas dan perak sahaja. Mereka turut membuat inovasi baharu dalam penggunaan benang metalik yang berwarna-warni. Meskipun mereka sudah pandai membuat pembaharuan mereka masih lagi mengekalkan ragam hias dan susunan pada kain songket yang lama seperti corak bertabur, corak penuh, corak jalur dan petak catur. Oleh yang demikian corak yang terdapat pada kain songket sekarang sudah mempunyai perubahannya seperti corak bebas dan corak serong.

CABARAN SONGKET TEMPATAN

Pengusaha songket tempatan kini berdepan dengan kemasukan songket dari luar khususnya dari India dan Pakistan. Hal ini turut memberi ancaman yang membimbangkan kepada penenun dan pengusaha. Kebanyakan songket yang datang dari luar negara dijual dengan harga yang murah berbanding songket tempatan. Ini kerana songket luar kebanyakannya ditenun menggunakan mesin manakala songket tempatan masih lagi menggunakan peralatan tradisional. Lambangkan songket tiruan ini ternyata memberi kesan yang cukup besar kepada pengeluaran produk tempatan dan ia juga menjelaskan pendapatan mereka. (Farah Shazwani Ali, 2014)

Menurut pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu, Mohd Latif Dirun memberitahu bahawa songket tempatan mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi berbanding songket luar yang mana harganya memecah ribuan ringgit serta mempunyai nilai eksklusif yang tinggi. Ini adalah kerana ia dibuat menggunakan tenunan tradisional manakala songket luar negara harganya lebih murah. Di samping itu, pengguna dan pembeli kebanyakan tidak tahu membezakan antara songket asli tempatan dan songket luar negara. Beliau turut menegaskan bahawa perbezaan songket tempatan dan luar negara adalah cara pembuatan. Songket tempatan memang halus, motif yang digunakan juga berbeza manakala benang yang digunakan songket luar tidak rapat kerana ia ditenun menggunakan mesin elektronik. Songket luar agak jarang kerana menggunakan satu lembar benang, tetapi songket tempatan benangnya rapat kerana penenun kita menggunakan empat lembar benang untuk menenun. Ini merupakan kelebihan songket tempatan.



Gambar 4: Songket India yang kini berada di pasaran (sumber Internet)



Gambar 5: Songket tempatan yang motifnya ditiru oleh songket luar (sumber koleksi peribadi)

Jenis songket	Purata harga songket tempatan
Samping menggunakan benang kapas biasa	RM300 hingga RM500
Samping menggunakan benang sutera corak bunga bertabur	RM1,000 hingga RM3,000
Samping benang sutera bersongket bunga penuh	RM4,000 ke atas
Samping sutera teknik ikat bersongket (limar)	RM10,000 ke atas

Jadual 3: Purata Harga Jualan Songket (Sumber Kraftangan Malaysia Terengganu)

Songket dahulu kebanyakannya menggunakan pewarnaan alam semulajadi, namun songket kini lebih menarik menggunakan teknologi pewarnaan menggunakan *dyed stuff*. Evolusi songket kini turut merangkumi penggunaan warna, motif yang lebih kontemporari dengan warna-warna lembut dan mengikut citarasa dan trend terkini. Dalam hal ini, didapati kelemahan songket luar kurang kualiti kerana apabila dibasuh warna kilauannya akan pudar. Cabaran yang paling utama yang dihadapi oleh pengusaha tempatan ialah apabila songket luar turut meniru corak dan motif songket tempatan. Hal ini akan mengelirukan lagi para pengguna.

KESIMPULAN

Songket masih lagi berpengaruh selagi ada penenun yang menghasilkannya, kegemilangan songket tidak akan malap dan pupus selagi ada permintaan dari orang ramai dan kini masih tercatat sejumlah 97 peratus penenun-petenun persendirian yang giat aktif menjalankan kerja tangan ini. Penenun-petenun ini merupakan perintis kepada seni tekstil

tertua negara. Kebangkitan penenun-pnenun muda hasil bimbingan Kraftangan Malaysia amat membanggakan. Ini akan meneruskan lagi generasi muda untuk menyayangi tekstil kebanggaan negara. Pertubuhan ini juga bertindak sebagai pemangkin pengekalan perusahaan desa ini.

Tesktil mewah ini akan terus berkembang maju dengan adanya kesedaran dari para pengguna supaya agar dapat menilai yang mana asli dan tiruan. Setiap kebudayaan mempunyai kandungan keseniaannya yang tersendiri. Begitu juga dengan kain songket tenunan Melayu juga mempunyai identitinya yang tersendiri sehingga ada pepatah mengatakan ‘tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas’. Walau apapun reka corak dan motif yang dihasilkan, songket mampu memperlihatkan perkembangan yang menarik. Ia merupakan hasil seni yang berupaya menembusi ruang dagangan. Perlu kita sedari dalam usaha untuk meletakkan industri songket ke tahap yang lebih tinggi, hendaknya songket dapat mengekalkan nilai dan keperibadian seni warisan Melayu.

Menjadi tangungjawab kita untuk meneruskan kesinambungannya dengan pelbagai pendekatan seperti pemakaian songket di majlis-majlis keraian, sebaran maklumat, bahan promosi dan sebagainya. Pihak-pihak tertentu haruslah bertanggungjawab dalam mengekalkan seni warisan negara ini dan memastikan keunggulan songket mendapat tempat dihati masyarakat supaya seni warisan kita terpelihara.

RUJUKAN

- Abd Aziz Rashid**, (1999). The Songket Collection of the Meseum of Asian Art Universiti Malaya. Galeri Petronas, Kuala Lumpur.
- Farah Shazwani Ali** (2014). Industri Songket Terancam. Sinar Harian 1 April 2014.
- Norwani Md Nawawi**, (2007). Malaysian Songket, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Parbiayah Bachik**, (2012). Ensiklopedia Kraf Malaysia, Perbadanan kemajuan Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syed Ahmad Jamal**. (1992). Rupa dan Jiwa. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia
- Siti Zainon Ismail**. (1999). Lustrous Gold Threaded Songket. Galeri Petronas, Kuala Lumpur

Sulaiman Abdul Ghani (2011). Idaman Terengganu, 3rd ASEAN Traditional Textile Symposium, Kuala Lumpur.

Informan 1

Penenun kain songket (Puan Zabedah Yusof, Kampung Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu, Terengganu).

Informan 2

Pengarah Kraftangan Malaysia Terengganu (Mohd Latif Dirun, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu).